



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA**

**JAWATAN KOSONG ANGGOTA PROJEK FAMA**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan untuk mengisi jawatan berikut :

**1. Tukang Masak - 1 Kekosongan**

---

<b>Taraf Jawatan</b>	:	Anggota Projek FAMA (Kontrak)
<b>Penempatan</b>	:	Kafe Lazaria, Ibu Pejabat FAMA
<b>Gred / Jadual Gaji</b>	:	Gred K1

<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kenaikan Gaji Tahunan</b>
<b>RM1,324.95</b>	<b>RM3,291.20</b>	<b>RM65.00</b>

**Elaun – Elaun** : Elaun Kedatangan : RM75.00 Sebulan

**Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- iv) Syarat kemasukan ini berbeza berbanding dengan syarat kemasukan (kelayakan) ke jawatan bertaraf tetap dan berbeza dalam perkhidmatan awam.
- v) Berkebolehan untuk memasak pelbagai menu:
  - Masakan Kampung
  - Masakan Barat
  - Masakan Panas/ Ala Carte Dan Lain-lain

**Bidang Tugas** :

- i) Bertanggungjawab menentukan kuantiti yang akan dimasak bersesuaian dengan pembeli untuk mengelak pembaziran dan menepati menu yang ditetapkan.
- ii) Bertanggungjawab bagi penyediaan dan persiapan bahan-bahan tersebut dicuci bersih sebelum masak.
- iii) Memasak makanan mengikut menu yang ditetapkan.
- iv) Berkebolehan memasak pelbagai makanan contoh masakan kampung, masakan barat dan lain-lain.
- v) Bertanggungjawab dalam menyediakan makanan mengikut menu yang betul.
- vi) Bertanggungjawab bagi menjaga dan menentukan kawasan dapur sentiasa kemas dan bersih pada setiap masa selepas memasak.

## **CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil SPM/SRP/PMR/PT3, Sijil Persekolahan **yang telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.
- (d) Permohonan hendaklah sampai kepada:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 2, Bangunan FAMA Point  
Lot 17304, Jalan Persiaran 1  
Bandar Baru Selayang  
68100 batu Caves  
Selangor

Sebelum atau pada : **10 JANUARI 2024 (RABU)**

## **CATATAN AM :**

Calon-calon di ingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **6 bulan** dari tarikh tutup iklan, hendaklah mengangap permohonan mereka **tidak berjaya**.